

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MRT kebanggaan negara, pemangkin pertumbuhan ekonomi	Sinar Online
2	MRT kebanggaan negara, pemangkin pertumbuhan ekonomi	Bernama Online
3	MIDA lulus RM 1.3 Bilion geran DISF	Bernama Online
4	Belum ada keputusan DNA	Berita Harian Online
5	Dua jenazah dijangka diserahkan kepada keluarga malam ini	Sinar Online
6	Tahfiz Fire: Two bodies to be handed over to families tonight	Bernama Online
7	2 Company director & electronics dealer charged for possession of 4,000 unauthorized digital STB decoders	New Straits Times Online



MRT kebanggaan negara, pemangkin pertumbuhan ekonomi



Wilfred Madius Tangau

KUALA LUMPUR - Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) perlu dilihat sebagai satu kebanggaan negara kerana menggunakan teknologi termaju pada masa kini, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.**

Beliau berkata ia juga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi selain berperanan menempatkan bakat tempatan dalam bidang kejuruteraan.

"Bagi MOSTI, semua ini adalah membanggakan kerana negara kita sudah sampai ke tahap ini dari segi teknologi, inovasi yang diperkenalkan supaya akhirnya rakyat dapat mengetahui bahawa negara kita sudah jauh ke hadapan.

"Dari segi bakat dan tenaga kerja pula, kita akan kumpulkan segala data berkenaan dan akan kita tunjukkan kepada pelabur berpotensi bahawa negara ini mempunyai bakat dalam bidang-bidang berkaitan perkhidmatan ini khususnya kejuruteraan supaya mereka berkeyakinan untuk datang melabur di negara ini," katanya kepada pemberita semasa melakukan lawatan kerja ke Pusat Kawalan Operasi MRT Sungai Buloh-Kajang di Sungai Buloh hari ini.

Terdahulu, Madius berserta Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, Datuk Zohari Sulaiman dan Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya serta pegawai-pegawai kementerian membawa sekumpulan pelajar anak-anak orang Asli dari SK Dengkil menaiki MRT dari stesen Tun Razak Exchange ke stesen Kwasa Damansara untuk memberi peluang kepada mereka merasai kemudahan pengangkutan awam yang terbaharu itu.

Dalam pada itu, Zohari berkata MRT merupakan sistem pengangkutan awam berteknologi tinggi dan ia berkembang pesat, sekali gus memerlukan tenaga kerja yang cekap serta berkemahiran tinggi baik dari segi kejuruteraan mahupun pengurusan.

Bagi memastikan perkara itu tercapai, beliau berkata, pihak RapidKL telah bekerja sama dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan politeknik untuk menyediakan peluang pendidikan serta latihan praktikal kepada para pelajar tentang teknologi di MRT.- Bernama



MRT Kebanggaan Negara, Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) perlu dilihat sebagai satu kebanggaan negara kerana menggunakan teknologi termaju pada masa kini, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau**.

Beliau berkata ia juga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi selain berperanan menempatkan bakat tempatan dalam bidang kejuruteraan.

"Bagi MOSTI, semua ini adalah membanggakan kerana negara kita sudah sampai ke tahap ini dari segi teknologi, inovasi yang diperkenalkan supaya akhirnya rakyat dapat mengetahui bahawa negara kita sudah jauh ke hadapan.

"Dari segi bakat dan tenaga kerja pula, kita akan kumpulkan segala data berkenaan dan akan kita tunjukkan kepada pelabur berpotensi bahawa negara ini mempunyai bakat dalam bidang-bidang berkaitan perkhidmatan ini khususnya kejuruteraan supaya mereka berkeyakinan untuk datang melabur di negara ini," katanya kepada pemberita semasa melakukan lawatan kerja ke Pusat Kawalan Operasi MRT Sungai Buloh-Kajang di Sungai Buloh hari ini.

Terdahulu, Madius berserta Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, Datuk Zohari Sulaiman dan Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya serta pegawai-pegawai kementerian membawa sekumpulan pelajar anak-anak orang Asli dari SK Dengkil menaiki MRT dari stesen Tun Razak Exchange ke stesen Kwasa Damansara untuk memberi peluang kepada mereka merasai kemudahan pengangkutan awam yang terbaharu itu.

Dalam pada itu, Zohari berkata MRT merupakan sistem pengangkutan awam berteknologi tinggi dan ia berkembang pesat, sekali gus memerlukan tenaga kerja yang cekap serta berkemahiran tinggi baik dari segi kejuruteraan mahupun pengurusan.

Bagi memastikan perkara itu tercapai, beliau berkata, pihak RapidKL telah bekerja sama dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan politeknik untuk menyediakan peluang pendidikan serta latihan praktikal kepada para pelajar tentang teknologi di MRT.



Kebakaran: Dua Jenazah Dijangka Diserah Kepada Keluarga Malam Ini

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Dua jenazah daripada 23 mangsa kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung di sini, dijangka diserahkan kepada pihak keluarga malam ini.

Sumber polis memberitahu Bernama bahawa urusan identifikasi dan pengecaman telah selesai dijalankan terhadap dua jenazah itu petang tadi.

"Dua jenazah itu akan diserahkan kepada keluarga untuk proses seterusnya seperti mandi jenazah, kafan, solat dan pengebumian," katanya ketika ditemui di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, hari ini.

Beliau berkata selain itu, empat sampel DNA telah dihantar ke **Jabatan Kimia** dan baki sampel lain akan diserahkan ke jabatan itu selewat-lewatnya malam ini.

Seramai 21 pelajar dan dua guru yang juga warden pusat tahfiz berkenaan terkorban dalam insiden 5.15 pagi itu.

-- BERNAMA



MIDA Lulus RM1.3 Bilion Geran DISF

SUNGAI PETANI, 14 Sept (Bernama) -- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan geran RM1.3 bilion untuk Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) sejak ia diperkenal pada Julai 2012 sehingga Julai lepas.

Pengarah Eksekutif Perancangan Strategik (Perkilangan) MIDA, Zabidi Mahbar berkata, peruntukan berkenaan melibatkan 264 projek dengan nilai pelaburan RM12.8 bilion.

"Geran yang diluluskan adalah dalam bentuk geran latihan, penyelidikan dan pembangunan, pensijilan bagi piawaian antarabangsa serta perolehan perlesenan dan teknologi tinggi.

"Daripada jumlah tersebut, 76 projek di Pulau Pinang, 13 di Kedah, 10 di Perak dan satu projek di Perlis, menerima geran DISF dengan pelaburan bernilai RM5.2 bilion," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Seminar Pelaburan Domestik Wilayah Utara 2017 di sini, hari ini.

Zabidi menggesa semua pemain industri memanfaatkan kemudahan yang disediakan kerajaan bagi membolehkan mereka beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi.

"Selain geran DISF, Elaun Modal Automasi yang diperkenalkan di bawah Bajet 2015 bagi menggalak penggunaan automasi dalam sektor perkilangan, juga boleh dimanfaatkan pemain industri.

"Skim ini menyediakan elaun modal automasi sebanyak 200 peratus untuk industri berintensif buruh seperti produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil bagi membantu syarikat tersebut melakukan transformasi teknologi," katanya.

Menurutnya, sehingga Jun tahun ini, hanya 41 permohonan yang diluluskan MIDA bagi skim tersebut dan dijangkakan permohonan akan terus meningkat susulan program 'outreach' yang dijalankan MIDA.

Zabidi berkata, MIDA turut merangka insentif bersesuaian untuk membantu syarikat tempatan dalam proses transformasi teknologi selaras dengan pengumuman Menteri Kewangan untuk mewujudkan insentif khas bagi Industri 4.0.

"Sebuah Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi bagi merangka Dasar Industri 4.0 yang diketuai bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengajian Tinggi dan **Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi**, telah ditubuhkan untuk merangka polisi, strategi dan hala tuju bagi membangunkan Industri 4.0 di Malaysia.

Tambahnya, momentum pertumbuhan pelaburan di Malaysia tahun ini pula dilihat terus kukuh walaupun pengumuman bagi tempoh sehingga pertengahan tahun ini belum dibuat.

Sementara itu, lebih 200 peserta menghadiri seminar terbabit yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Hal Ehwal Pengguna dan Koperasi, Datuk Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail yang mewakili Menteri Besar Kedah.

Seminar sehari anjuran MIDA itu diadakan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti perniagaan tentang peluang pelaburan serta kemudahan yang disediakan kerajaan, selain membuka platform untuk mereka berinteraksi secara terus dengan pelbagai institusi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

-- BERNAMA



Belum ada keputusan DNA

KUALA LUMPUR: Keputusan Asid deoksiribonukleik (DNA) 23 pelajar tahfiz termasuk dua guru yang maut selepas terbabit dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Jalan Keramat, di sini hanya akan dapat dikenal pasti beberapa hari lagi.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata proses itu akan mengambil masa kerana membabitkan ramai mangsa.

"Bagi mengenal pasti identiti mangsa, DNA ibu bapa diperlukan dan pihak hospital baru menerimanya pagi tadi.

"Pihak hospital akan menggunakan sepenuh masa dan melakukan secepat mungkin bagi mengenal pasti identiti mayat membabitkan kerjasama daripada Jabatan Kimia dan Jabatan Bencana.

"Setakat ini, semua identiti mangsa belum dikenal pasti," katanya pada sidang media di lobi Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini sebentar tadi.

Katanya, setakat ini seramai tujuh mangsa iaitu enam pelajar termasuk seorang warganegara Indonesia dan seorang orang awam masih dirawat di HKL.

"Kesemua mangsa sedang dirawat di Jabatan Kecemasan HKL membabitkan empat mangsa yang mengalami kecederaan serius, manakala tiga mangsa mengalami kecederaan ringan dan dirawat di Wad Pemerhati.

"Dua mangsa yang mengalami kecederaan serius sudah pun dipindahkan ke wad resusitasi di Jabatan Kecemasan," katanya.

Pelajar dirawat

1. Indra Kurniawan, 18, (warga Indonesia),
2. Muhd Shahir Sharifuddin, 13,
3. Zunnun Misri, 12, Adib Baqir, 15,

4. Muhammad Syahmin Che Azmi, 18,

5. Wan Muhammad Danish Hisham Wan Nor Hisham, 14

Orang awam dirawat - Sufian Emmad, 20.



Dua jenazah dijangka diserahkan kepada keluarga malam ini



KUALA LUMPUR - Dua jenazah daripada 23 mangsa kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung di sini, dijangka diserahkan kepada pihak keluarga malam ini.

Sumber polis memberitahu Bernama bahawa urusan identifikasi dan pengecaman telah selesai dijalankan terhadap dua jenazah itu petang tadi.

"Dua jenazah itu akan diserahkan kepada keluarga untuk proses seterusnya seperti mandi jenazah, kafan, solat dan pengebumian," katanya ketika ditemui di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, hari ini.

Beliau berkata selain itu, empat sampel DNA telah dihantar ke **Jabatan Kimia** dan baki sampel lain akan diserahkan ke jabatan itu selewat-lewatnya malam ini.

Seramai 21 pelajar dan dua guru yang juga warden pusat tahfiz berkenaan terkorban dalam insiden 5.15 pagi itu. -Bernama



Tahfiz Fire: Two Bodies To Be Handed Over To Families Tonight

KUALA LUMPUR, Sept 14 (Bernama) -- The bodies of two out of the 23 victims who died in the fire incident at Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Jalan Keramat Ujung earlier today, are expected to be handed over to their families tonight.

A source told Bernama that the identification process for the two bodies had been completed this afternoon.

"The two bodies will be handed over to their family members to arrange for the funerals," he said.

He said another four DNA samples were sent to the Chemistry Department, while others were expected to be sent latest by tonight.

-- BERNAMA

NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

2 company directors & electronics dealer charged for possession of 4,000 unauthorised digital STB decoders



JOHOR BARU: Two company directors and an electronics equipment dealer were charged at the Sessions Court with illegal possession of more than 4,000 unauthorised units of digital Set Top Box (STB) decoders seized from their business premises last year.

Theu Boon Ooi, 57, and Noel Theu Ke Wei, 33, who are directors at Meck Marketing Sdn Bhd claimed trial to a joint charge of illegal possession of 4,540 units of STB decoders, which are used for high-definition satellite broadcast services.

The items were seized from their business premises in Taman Perindustrian Plentong during a raid conducted by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) at about 3pm on Dec 6 last year.

Under Section 244(1) of the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998, those who are in possession of unauthorised telecommunication equipment meant for consumer trade can be fined up to RM100,000 or jailed six months, or both.

In a separate charge, electronics equipment dealer Suzita Mohamad Salleh, 36, pleaded not guilty to illegal possession of 12 units of unauthorised STB decoders at her shop in Taman Bukit Dahlia in Pasir Gudang.

The items were seized during the same MCMC raid conducted at about 12.45pm also on Dec 6 last year.

Sessions court judge Muhammad Khalid Ab Kadir fixed bail at RM15,000 each for the two company directors. He fixed bail at RM5,000 with one surety for Suzita's case.

Both cases will be called for mention on Oct 25.

MCMC prosecuting officer Mohd Sophian Zakaria prosecuted, while the three people hauled to court were unrepresented.

It is learnt the case is the first court charge involving dealers in possession of STB decoders that did not bear the **Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia (Sirim)** certification.